

11 MAR 2004

Pilihan raya-Kedah (Analisis Calon)

BN KEDAH DIJANGKA HADAPI PERTANDINGAN SATU LAWAN SATU

ALOR STAR, 11 Mac (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Kedah dijangka berhadapan pertandingan satu lawan satu daripada pakatan pembangkang pada pilihan raya umum ke-11.

Berdasarkan senarai calon yang diumumkan BN hari ini serta pakatan PAS dan Keadilan, hanya beberapa kawasan bakal menyaksikan pertembungan sengit sementara beberapa kawasan lagi yang dimenangi PAS dijangka ditawan kembali BN.

Kesemua parti terutamanya BN dilihat mempertaruhkan faktor calon berdasarkan kredibiliti, ketokohan, populariti, latar belakang pendidikan dan kerjaya.

Kredibiliti calon BN dilihat memihak kepada Datuk Dr Affifuddin Omar dan Ketua Puteri Umno Kedah Suraya Yaacob, ketokohan (Datuk Seri Syed Razak Syed Zain), populariti (Datuk Dr Mashitah Ibrahim) manakala kesemua calon lain merupakan daripada kalangan mereka yang mempunyai pendidikan dan kerjaya yang cemerlang.

Manakala, faktor calon Bebas yang dijangka tidak akan menggugat kemeriahan persaingan satu lawan satu kerana berdasarkan dua pilihan raya umum lepas, calon Bebas hanya bertanding di kawasan seperti DUN Lunas dan Bukit Selambau.

Antara kawasan yang dijangka menjadi tumpuan ramai ialah Parlimen Baling yang menyaksikan pertembungan antara dua tokoh agama iaitu bekas Imam Besar Masjid Negara Taib Azamuddin Md Taib (PAS) dan pakar motivasi Datuk Dr Mashitah Ibrahim (BN).

Kawasan lain ialah Parlimen Kubang Pasu, kerusi yang disandang oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, yang akan ditandingi oleh Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Johari Baharom (BN) dan bekas pensyarah Universiti Utara Malaysia Dr Abd Isa Ismail.

Walaupun kerusi berkenaan dijangka tidak menjadi masalah untuk

dipertahankan, tetapi majoriti undi BN menjadi taruhan sebagai tanda terima kasih kepada Dr Mahathir.

DUN Kubang Rotan dijangka turut hangat apabila penyandang kerusi DUN Lunas iaitu Saifuddin akan bertanding di situ bagi mencabar Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Syed Razak sebelum ini pernah berkata beliau tidak kisah walaupun berhadapan dengan Saifuddin kerana yakin pengundi di situ akan tetap memberi undi kepada BN.

Antara yang menarik perhatian ialah ketiadaan nama Setiausaha Agung PAS Nasharuddin Mat Isa dalam senarai calon parti itu bagi bertanding di negeri ini selain mempertahankan kawasan Parlimen Jerai (dahulu Yan).

Sebaliknya, PAS meletakkan Che Din Arshad, anak tempatan kawasan itu, menentang muka lama Datuk Badruddin Amiruldin. Ini kerana PAS menyedari laluan mereka amat sukar berikutan persempadan semula kawasan pilihan raya yang dilihat tidak memihak kepada parti itu.

DAP yang sehingga hari ini masih belum mengumumkan calon parti itu masih bersikap berdiam diri dengan tidak menyatakan sama ada akan bertanding atau tidak di kawasan sasaran seperti DUN Kota Darul Aman, DUN Bukit Selambau, yang majoritinya pengundi bukan Melayu.

Meneliti daripada senarai calon berkenaan, hampir 50 peratus calon BN merupakan muka baru manakala PAS mempertaruhkan hampir 40 peratus muka baru berbanding Keadilan yang melebihi 50 peratus muka baru.

Rata-rata muka baru ini mempunyai kredibiliti tersendiri dan mereka ini datangnya dari kalangan profesional seperti pensyarah, peguam, jurutera dan doktor serta menganggotai parti sama ada di peringkat pemuda, wanita dan puteri.

Perkembangan ini merupakan sesuatu yang menarik kerana ada kawasan tertentu yang bakal menyaksikan pertembungan sesama muka baru seperti DUN Kuah, DUN Sungai Tiang, DUN Pantai Merdeka dan Parlimen Merbok.

Parlimen Merbok mempertaruhkan bekas wartawan dan bekas Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin sebagai calon BN menentang calon Keadilan Saiful Izham Ramli, peguam Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Selain itu, antara kawasan yang dijangka ditawan kembali BN

ialah DUN

Kuala Nerang, kawasan yang diletakkan dalam kategori "hitam" berikutan

"kembalinya" Affifuddin, antara tokoh yang mempunyai kekuatan akar umbi di kerusi berkenaan.

Affifuddin yang pernah menjadi anggota Parlimen Padang Terap yang digugurkan pada pilihan raya umum lepas akan mencabar penyandang kerusi itu, Munir @ Yusoff Zakaria.

Pengumuman calon BN hari ini dibuat oleh Syed Razak yang merupakan Pengerusi BN Kedah manakala PAS oleh Pesuruhjaya PAS Kedah yang merupakan Naib Presiden PAS, Azizan Abdul Razak dan Naib Presiden Keadilan Saifuddin Nasution Ismail bagi pihak Keadilan.

-- BERNAMA

MAN NHD